

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9354

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pelarian-pelarian Rohingya akan diberi pertolongan sama, seperti penempatan sementara dan permit kerja, sebagaimana yang telah diperuntukkan kepada pelarian-pelarian Syria.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun Malaysia bukan Negara Anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967 dan tidak mengiktiraf status “pelarian”, namun tindakan berpaksikan aspek kemanusiaan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengendalikan migran terutamanya di dalam komitmen untuk menerima 3,000 Migran Syria berikutan konflik di Timur Tengah jelas membuktikan Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab melebihi obligasi sedia ada Negara di peringkat antarabangsa. Ia membuktikan bahawa Malaysia tidak memandang ringan terhadap isu kemanusiaan dan kebajikan golongan berisiko yang berkenaan tanpa mengeneipkan perundangan sedia ada.

Ingin dimaklumkan bahawa isu Migran Syria dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) - Etnik Rohingya, Myanmar adalah dua isu yang berbeza untuk pertimbangan Negara, terutamanya dari segi keperluan tanggungjawab dan juga isu keselamatan Negara. Maka dengan itu, sehingga kini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan mahu pun pertimbangan untuk menyediakan penempatan sementara dan juga kebenaran bekerja serta lain-lain di Malaysia kerana penyelesaian sebenar yang perlu dilaksanakan bagi isu PATI - Etnik Rohingya, Myanmar ini adalah dengan menyelesaikan permasalahan utama di negara asal (*country of origin*) iaitu penyelesaian mengikut '*Root Cause*' ianya sendiri.

Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan kini dalam tindakan melaksanakan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Etnik Rohingya yang melibatkan seramai 300 orang Etnik Rohingya. Peserta Projek Perintis ini akan diberikan kebenaran bekerja di dalam sektor yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu sektor perladangan dan perkilangan, yang dijangka mengambil tempoh selama 3 tahun. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan dalam memberikan persediaan kepada kumpulan ini sebelum mereka pulang ke negara asal iaitu Myanmar atau ditempatkan ke negara ketiga (*resettlement country*).